



Kemala Indonesia

Fikiran Masyarakat, Vol. 6, No. 3, 2018
ISSN No. 2338-512X

Falsafah Sejarah Naquib al-Attas dalam Karya Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu

*(Naquib al-Attas's Philosophy of History in Islam in Malay
History and Culture)*

Noratiqah Binti Ahmad Kazmar, Azmul Fahimi Bin Kamaruzaman

Pusat Rantau Timur Tengah dan Nusantara
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
E-mail : atiqahkazmar@gmail.com; azmul@ukm.edu.my

Abstrak - Syed Muhammad Naquib al-Attas merupakan ahli falsafah sejarah Melayu dan terkenal sebagai ahli pemikir terkemuka moden Islam pada abad ke-21 atas sumbangan beliau terhadap pengkajian sejarah dan kebudayaan Melayu. Beliau banyak menghasilkan karya dalam pelbagai bidang seperti ilmu metafizik, teologi, falsafah, sejarah, dan kesusastraan. Karya-karya beliau telah diterjemahkan ke dalam bahasa lain seperti bahasa Arab, Parsi, Turki, Urdu, Malayalam, Indonesia, Perancis, Jerman, Rusia, Bosnia, Jepun, India, Korea dan Albania seterusnya menjadi rujukan para cendekiawan dari seluruh pelosok dunia. Tumpuan kajian ini adalah kepada salah satu karya al-Attas iaitu *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (1972). Objektif kajian adalah memahami falsafah sejarah serta epistemologi al-Attas yang terkandung dalam karya *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (1972). Kajian ini mengaplikasikan metode analisis dokumen dan pendekatan pensejarahan. Hasil kajian mendapati al-Attas mengaplikasikan pandangan alam (worldview) dan epistemologi Islam iaitu berita yang benar dan emfiris-logika dalam karya Islam dalam *Sejarah dan Kebudayaan Melayu*.

Kata Kunci: Al-Attas, Epistemologi, Falsafah Sejarah, Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu.

Abstract – Syed Muhammad Naquib al-Attas is a Malay philosopher and well-known as a modernist Islamic thinker in the 21st century for his contribution to the study of Malay history and culture. He has produced many works in various fields such as metaphysical knowledge, theology, philosophy, history, and literature. His works have been translated into other languages such as Arabic, Persian, Turkish, Urdu, Malayalam, Indonesian, French, German, Russian, Bosnian, Japanese, Indian, Korean and Albanian, and then refer to scholars from all corners of the world. The focus of this study was on one of the al-Attas's work, *Islam in Malay History and Culture* (1972). The objective of the study was to understand the philosophy of history and the epistemology of al-Attas contained in *Islam in Malay History and Culture* (1972). This study applies the method of document analysis and the approach of the story. The findings show that al-Attas applies the Islamic worldview and epistemology which is genuine report(*khabarsadiq*) and empirical method (*sensory*) in *Islam in Malay History and Culture* (1972).

Keywords: al-Attas, Epistemology, philosophy of history, Islam in the Malay History and Culture.

I. Pendahuluan.

Naquib al-Attas merupakan salah seorang *mujaddid* dan pengislah tulen (Wan Mohd Nor 2012, 1) iaitu orang yang membuat penyesuaian semula terhadap perkara-perkara penting dalam Islam kemudian mengukuhkannya berpandukan sunnah Rasullullah s.a.w. Ramai dalam kalangan sarjana menggelarkan beliau sebagai pemikir yang genius dan paling kreatif pada masa kini (Wan Mohd Nor 2012; Muhammad Azizan 2014; Syed Muhd Khairudin 2013). Nama sebenar al-Attas ialah Syed Muhammad Naquib ibn Ali ibn Abdullah ibn Muhsin al-Attas. Beliau dilahirkan di Bogor, Jawa Barat pada 5 September 1931 (al-Attas 1963). Sejak kecil lagi beliau telah menelaah teks-teks sejarah, ilmu-ilmu Islam, persuratan dan karyawan dari Barat sekaligus mendalami manuskrip-manuskrip dalam bidang sejarah, kesusasteraan, agama, dan koleksi karya-karya klasik Barat yang berbahasa Inggeris (al-Attas 2002, xvi).

Al-Attas memperoleh Ijazah M.A dengan kepujian dalam bidang Falsafah Islam (*tasawuf*) dari Universiti McGill, dengan tajuk tesis *Raniri and the Wujudiyyah of 17th Century Aceh*, manakala di peringkat ijazah kedoktoran pula dalam bidang falsafah, teologi dan metafizik Islam di School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London dengan tajuk *The Mysticism of Hamzah Fansuri* (Mohd Zaidi & Mohd Suhaimi 2012, 8). Beliau dilantik memegang pelbagai jawatan di pelbagai institusi, malah turut memperoleh banyak anugerah dan penghormatan dari dalam maupun luar negara.

II. Permasalahan dan Objektif Kajian

Kajian ini bertitik tolak daripada kenyataan Wan Mohd Nor(2011) dalam penulisannya iaitu *Falsafah Sejarah Prof Syed Muhammad Naquib al-Attas* (2011). Wan Mohd Nor (Wan Mohd Nor 2011, 23) membahas mengenai ketokohan al-Attas dalam sejarah Islam di Alam Melayu serta sumbangannya memartabatkan semula peranan Islam di kepulauan tersebut, iaitu ;

“falsafah sejarah al-Attas merupakan cerminan dari pandangan alam (worldview) serta epistemologi Islam, iaitu kerangka ilmu yang muncul darinya. Dalam Islam, epistemologi berkait erat dengan struktur metafizik Islam, iaitu manusia memperoleh ilmu pengetahuan melalui kemampuan pancaindera yang sejahtera, akal sihat dan laporan yang benar”


Oleh yang demikian, perbincangan kajian ini adalah bertujuan memahami falsafah sejarah dan epistemologi al-Attas tertumpu kepada karya *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*(1972).

III. Pengenalan kepada Karya Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu

Karya *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (1972)merupakan teks syarahan perdana atau syarahan pengukuhan al-Attas atas perlantikannya sebagai Professor Bahasa dan Kesusasteraan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia.Syarahan tersebut disampaikan pada 24 Januari 1972 bertempat di Auditorium, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Karya ini adalah suatu Mukaddimah mengenai peranan Islam dalam peradaban sejarah Melayu-Indonesia, dan kesannya dalam sejarah pemikiran, bahasa dan kesusasteraan Melayu (al-Attas 1972).Pada hemah penulis, karya ini mengandungi pelbagai idea sejarah al-Attas terutamanya berkenaan pandangan kritis dan sinis beliau terhadap kesalahan teori yang diutarakan oleh orientalis Barat berkenaan dengan sejarah Islam di Alam Melayu (Syed Muhd Khairudin 2013, 17).

Kajian menklassifikasikan karya ini kepada lima bab berdasarkan lima pecahan utama dalam teks dengan penggunaan abjad nombor roman I, II, III, IV dan V. Pecahan tersebut ditafsirkan kepada tajuk-tajuk seperti: konsep sejarah dan falsafah sejarah; teori historiografi Pirrene; sejarah peradaban Melayu sebelum Islam dan teori kedatangan Islam; asas kedudukan bahasa dan kesusasteraan Melayu; dan peranan institusi dalam memperkasakan bahasa, kesusasteraan dan bebudayaan Melayu. Kulit muka hadapan buku *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (1972) menggunakan tulisan khat “Basmalah” berbentuk ayam jantan hasil ilham dan kreativiti al-Attas sendiri, seperti pada rajah di bawah.



Rajah 1. Khat “Basmalah” Berbentuk Ayam Jantan
(Sumber: *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 1972)

Mohd Zaidi Ismail dan Wan Suhaimi Wan Abdullah dalam *Adab dan Peradaban Karya Pengiktirafan untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas* (2012) menjelaskan bahawa pemilihan Ayam Jantan membawa makna yang tersendiri, seperti berikut:

“Ayam Jantan ungas dinihari. Nadanya nyaring menyambut ketibaan hari. Dia simbol bagi matahari”

“Hari diibaratkan bermata sebab jisim bersinar yang menzahirkannya seperti mata memancarkan cahaya membawa cerah mengusir gelap menjadikan kelihatan kepada yang berpenglihatan kedudukan segala yang tadinya terbuni dalam kelam”

“Mata itu alat jasmani pemancar cahaya ruhani yang menerbitkan penglihatan kepada diri insani. Oleh itu, berlakunya rangkaian batin yang mengakibatkan penglihatan sesungguhnya adalah suatu gerakdaya ruhani yang menimbulkan kefahaman kepada akal. Maka dari itulah matahari merupakan symbol nur akali dan ruhani”

Ayam Jantan adalah lambang dan simbol terhadap keadaan sedar, celik, waspada serta giat berusaha ke arah perkara rohani dalam mencari rasa dan makna diri dengan maksud mencapai keredaan Allah SWT (Mohd Zaidi & Mohd Suhaimi, 2012). Pengkaji mentafsir kenyataan di atas dengan mengibaratkan situasi suram yang melanda sejarah Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia. Sekiranya tiada tindakan manupun usaha menangani masalah tersebut, maka peranan Islam akan berterusan dipinggir dan dinafikan dalam sejarah Kepulauan Melayu-Indonesia.

IV. Falsafah Sejarah al-Attas Dalam Karya Islam

Epistemologi adalah salah satu cabang falsafah. Epistemologi pula berkisar tentang ilmu pengetahuan atau teori keilmuan hakikat ilmu dan sumber ilmu. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2013), epistemologi bermaksud teori tentang pengetahuan, terutamanya yang berkaitan dengan kajian kritis kesahihan, kaedah dan skop sesuatu pengetahuan.

Perbincangan berkenaan aspek epistemologi, al-Attas menekankan beberapa saluran mengenai perbahasan hakikat kewujudan. Antaranya ialah pancaindera, akal fikiran sihat, intuisi, dan berita yang benar sebagai sumber kedua. Manakala sumber utama adalah al-Quran dan As-sunnah. (Asmawati & Fathiyah 2012, 59-60; Wan Mohd Nor 2005, 96; Azmul Fahimi, Aidil Farina & Roziah Sidik 2016, 4). Artikel Al-Attas’s *Philosophy of History on the Arrival and Proliferation of Islam in the Malay World* (2016) ada menyebut bahawa sumber ilmu sejarah al-Attas berdasar empat saluran, sama seperti digunakan dalam Islam iaitu;

“Generally, the source of knowledge received by al-Attas are from four channels: the senses (empirical), the mind (rational), khabar sadiq (genuine reports) and intuition. The treatment of knowledge from rational activities and the acquisition of knowledge from the senses are not accepted true as such but there are values which determine their truth which is Revelation”

Kajian mendapati al-Attas mengaplikasikan beberapa saluran epistemologi dalam karya *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Pertama, *khabar sadiq* atau berita yang benar. Berita yang benar diambil al-Attas, seperti mana menurut beliau; [Kenyataan ini kita ketahui sendiri dari Abdullah Munshi sendiri yang sebagai seorang pembantu dan jurutulis Raffles pada tahun 1810 telah mengunjungi Melaka bersamanya, dan di sana memberitahu Raffles akan benarnya kenyataan itu berlaku sebagai adat orang Melayu. Maka sebenarnyalah Raffles kemudian yang mula-mula menganjurkan supaya pelajaran bahasa Melayu itu diasingkan dari dasar pelajaran al-Quran] (al-Attas 1999, 63). Ini adalah berkaitan dengan bahasa dan kesusasteraan Melayu, keduanya tidak boleh dilaksanakan berasingan dengan Islam. Abdullah Munshi selaku individu terdekat Raffles, menyaksikan sendiri cubaan Raffles memisahkan bahasa Melayu dari al-Quran.

Kedua, emfiris-logika. Perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu adalah satu aspek proses pengislaman Kepulauan Melayu-Indonesia. Apabila Islam tiba, abjad Arab dan tulisan Arab mula meresap ke dalam bentuk tulisan tempatan. Huruf-huruf Arab seperti *jim*, *'ayn*, *fa*, *kaf*, dan *nun* bertukar dan menandakan bunyi yang lazim pada bunyi lidah Melayu iaitu *cha*, *nga*, *pa*, *ga* dan *nya* (al-Attas 1999, 41). Cara menciptakan huruf baru mengikut corak huruf Arab terilham oleh Al-Attas dari huraian Ibn Khaldun dari Mukaddimah (Wan Mohd Nor 2011, 5; Al-Attas 1999, 41).

Huruf bunyi *gasama* cara bentuknya dengan loghat bahasa Berber, Farsi dan lain-lain. Huruf *cha* seperti juga yang terdapat dalam abjad Arab-Farsi terbentuk dari huruf *ta* dan *jim*, maka dari itu bentuknya ialah *jim* bertitik tiga, dua titik ditambah pada titik *jim* dari huruf *ta*: *nga* terbentuk dari *nun*, *ghayn* dan *ga* (*nga*), dua titik dari *nun* dan *ga* ditambah pada huruf *ghayn* menjadi *ayn* bertitik tiga: *nga*. Huruf *fa* bertitik tiga itu terjadi dari tambahan titik *ba* pada *fa*, dan ditambah satu lagi titik padanya supaya tidak keliru dengan *qaf*: dan huruf *nya* terjadi dari *nun* ditambah dua titik *ya* (al-Attas 1999, 41).

Selain epistemologi, al-Attas menekankan kepada pandangan alam Islam dalam kajian sejarah Islam. Pengkajian melibatkan sejarah Islam harus bersandarkan kepada pandangan alam (*worldview*) Islam. Al-Attas mendefinisikan pandangan alam Islam atau *Islamic worldview* sebagai mana disebut dalam karya *Prolegomena to the Metaphysics of Islam* (1995, 1);

"From the perspective of Islam, a 'worldview' is not merely the mind's view of the physical world and of man's historical, social, political, and cultural involvement in it. The worldview of Islam is not based upon philosophical speculation formulated mainly from observation of the data sensible experience, of what is visible to the eye; nor it is restricted to the world of sensible experience, the world of created things. Islam does not concede to the dichotomy of the sacred and the profane; the worldview of Islam encompasses both al-dunya and al-akhirah, in which the dunya-aspect must be related in profound and inseparable way to the akhirah-aspect, in which the akhirah-aspect has the ultimate and final significance. The dunya-aspect is seen as preparation for the akhirah-aspect without thereby implying any attitude of neglect or being unmindful of the dunya-aspect"

Pandangan alam Islam atau *Islamic worldview* adalah merangkumi aspek di dunia dan akhirat. Menurut al-Attas (1995), aspek dunia berfungsi sebagai persiapan menghadapi akhirat iaitu akhirat menjadi platform terakhir manusia yakni berlaku perhitungan amalan kebajikan, seterusnya ditentukan syurga atau neraka. Al-Attas menggunakan istilah *Ru'yat al-Islam li al-Wujud* sebagai *Islamic worldview*. Ini berdasarkan kenyataan beliau (al-Attas 1995, 1), iaitu:

"What is meant by 'worldview' according to the perspective of Islam, is then the vision of reality and truth that appears before the mind's eye revealing what existence is all about; for it is the world of experience in its totality that Islam is projecting"

Islamic worldview adalah pandangan Islam tentang realiti dan kebenaran, jelas boleh dilihat pada mata hati kita seterusnya menerangkan tentang hakikat *wujud*. Oleh yang demikian, istilah *Islamic worldview* diterjemahkan oleh al-Attas ke dalam terminologi Islam (bahasa Arab) *Ru'yat al-Islam li al-Wujud*, bermaksud pandangan Islam terhadap hakikat dan kebenaran tentang alam semesta (Nur Hasan 2014, 82). Berbalik kepada konteks pengkajian sejarah Islam, para sejarawan Islam seharusnya menolak pandangan alam Barat atau *Western worldview* yang jelas-jelas menolak kepercayaan terhadap kehidupan akhirat atau hakikat *wujud*.

V. Kesimpulan

Ketokohan ilmuan al-Attas *Melayu* jelas dilihat dalam penulisan karya *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan*. Dalam karya ini al-Attas menekankan perihal penting kedudukan sejarah dalam kehidupan manusia. Al-Attas mengkritik kesalahan sejarawan Barat dalam mentafsir sejarah Kepulauan Melayu-Indonesia. Para sejarawan Belanda dan Barat membuat tafsiran mereka berkiblatkan tamadun Jawa Kuno dan tamadun Hindu berbanding agama Islam. Menurut al-Attas, aspek yang diukur dalam menilai ketamadunan di Kepulauan Melayu-Indonesia adalah aspek bahasa dan kesusasteraan, bukanlah aspek kesenian. Beliau mengaplikasikan pandangan alam (*worldview*) serta epistemologi Islam sebagai sumber penulisan. Islam menerima kemampuan pancaindera yang sejahtera, akal sihat, dan laporan yang benar sebagai saluran ilmu pengetahuan yang sah bagi manusia. Sehubungan dengan itu, kerangka ilmu al-Attas dalam karya *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* adalah berlandaskan kepada khabar sadiq dan emfiris-logika seterusnya pandangan alam Islam.

Rujukan

1. al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1995. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).

2. al-Attas, Syed Muhammad Naquib al-Attas. 2016. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Ulang Cetak. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
3. Azmul Fahimi Kamaruzaman, Aidil Farina Omar & Roziah Sidik. 2016. Al-Attas' philosophy of history on the arrival and proliferation of Islam in the Malay World. *International Journal of Islamic Thought* 12 (10): 1-6.
4. Hamid Fahmy Zarkasyi. 2005. Worldview Sebagai Asas Epistemologi Islam. Telaah Utama ISLAMIA. 2 (5): 9-20.
5. Kamus Dewan. 1998. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
6. Kamus Dewan. 2013. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
7. Mohd. Shuhaimi Hj. Ishak & Osman Chuah Abdullah. 2012. Islam and Malay World: An Insight into the Assimilation of Islamic Values *World Journal of Islamic History and Civilization*. 2(2): 58-65.
8. Nur Hasan. 2014. Kritik Islamic Worldview Syed Muhammad Naquib al-Attas Terhadap Western Worldview. Disertasi Sarjana Muda, Program Studi Aqidah Falsafah, UIN Sunan Ampel Surabaya.
9. Syed Muhd Khairudin Aljunied. 2013. Rescuing history from the orientalists: Syed Muhammad Naquib al-Attas and the history of Islam in the Malay World. *Journal of Islam and the Contemporary World* 6:1-20.
10. Wan Mohd Nor & Muhammad Zainiy Uthman. 2010. *Knowledge, Language, Thought and The Civilization of Islam Essays in Honour of Syed Muhammad Naquib al-Attas*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
11. Wan Mohd Nor Wan Daud. 2011. Falsafah Sejarah Prof Syed Muhammad Naquib al-Attas. *Islamia Jurnal Pemikiran Islam Republika* Oktober: hlm. 23.
12. Wan Mohd Nor. 2012. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas Satu Huraiyan Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.